



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

PROSEDUR KUALITI

MOA-PK (BLKP)-03
PEMBANGUNAN MANUAL LATIHAN BIDANG PERTANIAN DAN
ASAS TANI

Disediakan Oleh:	Disemak Oleh :	Diluluskan Oleh:
 Tandatangan	 Tandatangan	 Tandatangan
Nama: SHARIZAT BT MOHD KASSIM	Nama: HUSSIN BIN MAHMUD	Nama: DATO' HAJI ZAINAL AZMAN BIN ABU SEMAN
Jawatan: PPK (BLKP) L	Jawatan: Pengarah BLKP	Jawatan: KSU
Tarikh: 5/11/2020	Tarikh: 5/11/2020	Tarikh: 05/11/2020

NO. KAWALAN SALINAN

NO KELUARAN: 03

TARIKH KELUARAN: 05/11/2020

**REKOD PINDAAN PROSEDUR KUALITI**

Bil	Keluaran	Tarikh	Keterangan Pindaan
1.		30.10.2020	Rujukan- Penambahan perkara - Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 - Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentaualihan Pusat Bertauliah di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) - Daftar NOSS (di dalam Laman Web Jabatan Pembangunan Kemahiran)
2.		30.10.2020	Tanggungjawab dan Tindakan - Penambahan ayat dalam tindakan perkara pertama di bawah tanggungjawab Pengarah
3.		30.10.2020	Carta Aliran Kerja - Pindaan pada permulaan carta alir yg pertama iaitu daripada bentuk segiempat kepada bentuk bulat - Penambahan ayat pada penerangan dalam perkara pertama - Pindaan pada anak panah dalam carta alir



1. OBJEKTIF

Memastikan penyediaan Manual Latihan (ML) bagi semua Bidang Pertanian yang dijalankan di PB seragam mengikut piawaian badan pengiktirafan.

2. SKOP

Prosedur ini akan diguna pakai oleh Cawangan Latihan & Pengiktirafan, Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP) untuk menyediakan dan menyemak semula kandungan Manual Latihan untuk digunakan di PB.

3. DEFINISI

Standard

Dokumen standard terkandung di dalam Daftar Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skills Standard (NOSS) Registry*.

Kurikulum

Merupakan dokumen utama yang mengandungi NOSS, ML dan WIM bagi sesuatu kursus yang ditawarkan di PB.

Kandungan Pembelajaran

Merupakan perincian sukatan atau silibus pembelajaran bagi sesuatu modul pertanian.

Manual Latihan



Terdiri daripada Bahan Pembelajaran seperti COS, WIM dan LWA.

Subjek Teknikal

Merupakan gabungan modul-modul kemahiran utama yang perlu dipelajari dan diikuti oleh para pelatih PB sebagai syarat persijilan.

Subjek Umum

Merupakan subjek tambahan yang perlu diikuti oleh para pelatih PB sebagai nilai tambah kepada pelatih tersebut.

Jumlah Jam Kredit

Merupakan masa yang diperlukan bagi pelatih PB melengkapi/ menyelesaikan sesuatu subjek.

Jawatankuasa Pengesahan Kurikulum Dan Penilaian (JKPKP)

Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah atau Ketua Cawangan Latihan dan Pengiktirafan untuk meluluskan WIM. Ahli terdiri daripada JPK, panel pembangun WIM dan panel penilai WIM.

Semester

Merupakan fasa latihan bagi sesuatu kursus.

Badan Pengiktirafan Manual Latihan

Jabatan yang mempunyai kuasa memberi perakuan bagi Manual Latihan pertanian ialah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).



4. RUJUKAN

- 4.1 Manual Kualiti MOA-MK (Keluaran 03)
Perkara 3.3.3 - Pengurusan Modul Latihan Kemahiran Pertanian
- 4.2 Panduan Pembangunan WIM Latihan Kemahiran Edisi 2017
- 4.3 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006
- 4.4 Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)
- 4.5 Daftar NOSS (Laman Web Jabatan Pembangunan Kemahiran)

5. SINGKATAN

BLKP	-	Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian
PB	-	Pusat Bertauliah
NOSS	-	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (<i>National Occupational Skills Standard</i>)
COS	-	Susunan Pengajaran (<i>Course of Study</i>)
WIM	-	Bahan Pengajaran Bertulis (<i>Written Instructional Material</i>)
JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran



ML	-	Manual Latihan
JKPKP	-	Jawatankuasa Pengesahan Kurikulum Dan Penilaian
KCLDP	-	Ketua Cawangan Latihan & Pengiktirafan
KUSK	-	Ketua Unit Standard & Kurikulum

6. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

Tanggungjawab	Tindakan
Pengarah	1. Memberi arahan untuk membangun dan kaji semula Manual Latihan berdasarkan NOSS terkini berdasarkan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006, Panduan Pelaksanaan dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah di bawah SPKM Berasaskan NOSS dan Daftar NOSS
CLDP	2. Mendapat kelulusan khas daripada KSU untuk melaksanakan pembangunan dan kaji semula Manual Latihan.
KUSK	3. Mengenalpasti dan melantik panel pembangun Manual Latihan.
KUSK	4. Mengurus sesi Bengkel Pembangunan Manual Latihan.
CLDP	5. Bentang Manual Latihan dalam JKPKP untuk kelulusan.
KUSK	6. Mendokumenkan Manual Latihan.
KUSK	7. Simpan dan rekod.

**7. REKOD KUALITI**

Bil	Rekod	Lokasi	Tempoh Penyimpanan
1.	Senarai Daftar NOSS	Laman Web Rasmi JPK www.dsd.gov.my	5 tahun
2.	Dokumen Manual Latihan	Bilik Fail	> 5 tahun
3.	Borang Perakuan Kelulusan WIM JKPKP	Bilik Fail BLKP	5 tahun



8. CARTA ALIRAN KERJA

